



# PENGUNAAN HADITH NABI DALAM PENULISAN: ANALISIS TERHADAP KARYA KARYA GOLONGAN LIBERAL DAN PENGARUHNYA DALAM MEDIA SOSIAL

Phayilah Yama<sup>1</sup>, Norsaleha Mohd. Salleh<sup>2</sup>, Abu Zaki Ismail<sup>2</sup>, Hamidun Mohamad Husin<sup>2</sup>, Noor Hafizah Mohd. Haridi<sup>2</sup> dan Mohd. Shairawi Mohd. Noor<sup>2</sup>

<sup>1</sup> Jabatan al-Quran dan al-Sunnah, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, , Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

<sup>2</sup> Jabatan Dakwah dan Usuluddin, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, , Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

## Abstract

Kertas kerja ini merupakan satu kajian ke atas hadis-hadis Rasulullah SAW yang digunapakai oleh golongan liberal dalam penulisan karya mereka. Ia menjadi salah satu wasilah penyebaran pemikiran liberal yang satu aliran berfikir baru dalam kalangan umat Islam. Golongan liberal mempunyai fahaman dan pandangan mereka yang tersendiri terhadap al-Quran dan hadis dalam setiap penghujahan. Penulisan terhadap penghujahan Islam Liberal terhadap al-Quran telah banyak diperkatakan dan dibincangkan berbanding penulisan Islam liberal terhadap hadis. Justeru, kertas kerja ini bertujuan menganalisis penulisan yang ditulis oleh golongan Islam liberal terhadap hadis-hadis Nabi SAW serta pengaruh penulisan tersebut dalam media sosial. Medium ini menjadi platform golongan liberal sebagai modus operandi meningkatkan lagi kuantiti pengikut serta meluaskan lagi ideologi pemikiran mereka. Keadaan ini berikutan peningkatan rakyat Malaysia yang menjangkau lebih daripada 18 juta pengguna tegar media sosial terutamanya akaun facebook dan blog. Ia dilihat lebih mudah dalam menyampaikan maklumat serta berkongsi apa sahaja fahaman tanpa ada sekatan. Penyelidikan ini menggunakan pendekatan analisis dokumen setelah data dikumpulkan daripada kajian kepustakaan. Kajian kualitatif ini mengadaptasikan kaedah sejarah dan kajian teks dalam usaha untuk menilai keabsahan pendekatan dan hujah yang dikemukakan oleh para pendukung liberalisme terhadap kedudukan hadis Nabi SAW yang bukan sahaja diperkecil bahkan turut dinafikan peranan dalam penulisan-penulisan sahaja sebagai sumber kedua terpenting dalam agama Islam selepas al-Quran al-Karim.

**Kata kunci:** Hadith; Penulisan; Golongan Liberal; Media Sosial

## Article Progress

Received: 8 May 2018  
Revised : 22 May 2018  
Accepted: 31 May 2018

\*Corresponding Author:  
Phayilah Yama, Jabatan al-Quran dan al-Sunnah, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, Malaysia.  
Email: phayilah@kuis.edu.my

## 1. PENGENALAN

Hadith adalah salah satu unsur terpenting dalam Islam. Ia menepati martabat kedua selepas al-Quran daripada sumber-sumber hukum Islam. Dalam erti kata yang lain, jika suatu masalah atau perkara yang terjadi dalam kalangan masyarakat jika tidak ditemukan hukumnya di dalam al-Quran, maka hakim atau mujtahid harus kembali kepada Hadith Nabi SAW. Namun begitu ia berbeza dengan pandangan golongan liberal yang mempunyai persepsi dan pandangan tersendiri terhadap hadith Rasulullah SAW dalam setiap penghujahan yang dilontarkan (Faisal, Rosni & Khofidz, 2010).

Walaupun hadith Rasulullah SAW yang diriwayatkan itu merupakan hadith yang sahih daripada Imam Bukhari dan Muslim mereka tetap juga menganggap hadith tersebut sebenarnya tidak berasal daripada Rasulullah melainkan hanya ciptaan orang-orang yang ingin menjaga dan memanfaatkan kepentingan diri mereka sahaja (Azmi, 2017). Persoalan yang sering timbul mengapakah golongan liberal ini menganggap hadith-hadith Rasulullah SAW itu sebagai suatu perkara yang dibuat-buat dan direka cipta? Hal ini adalah disebabkan dua fenomena, yang pertama fenomena ‘penjajahan’ oleh negara-negara Barat ke atas hampir seluruh negara umat Islam. Kedua, adalah fenomena ‘ketinggalan’ dari sudut sains dan teknologi di belakang kebanyakan negara-negara Barat. Apabila berhadapan dengan dua fenomena di atas, sikap umat Islam boleh dibahagikan kepada empat:

1. Mereka yang merasa putus asa secara keseluruhan dan duduk diam menerimanya sebagai satu ketentuan yang sememangnya merendah dan memundurkan mereka.
2. Agama adalah faktor penghalang bagi mencapai kekuatan dan kemajuan. Jadi, untuk menjadi umat yang berkuasa dan maju, Islam perlu dipisahkan daripada kehidupan harian. Formula pemisahan ini yang digelar sekularisme terbukti berkesan mengingatkan bahawa semua negara Barat yang berkuasa lagi maju mempraktikkannya.
3. Agama adalah faktor penghalang bagi mencapai kekuatan dan kemajuan. Namun untuk menyelesaikan faktor penghalang ini, mereka berpendapat caranya ialah membuka dan membebaskan agama daripada ajaran dan tafsirannya yang sekian lama telah menjadi pegangan umat. Kelemahan dan kemunduran umat Islam dianggap berpunca daripada belenggu kejumudan umat dalam menafsir dan mempraktikkan agama Islam. Kumpulan ketiga inilah yang digelar sebagai aliran Islam liberal.
4. Kumpulan yang mengakui akan hakikat kelemahan dan kemunduran yang dialami umat. Namun hakikat ini tidak mereka persalahkan kepada agama atau selainnya kecuali terhadap diri mereka sendiri dan umat Islam seluruhnya yang telah leka daripada berpegang dan mempraktikkan ajaran Islam yang sebenar (Hafiz Firdaus, 2007).

Daripada keempat-empat kelompok tersebut, kelompok yang ketiga, ialah kelompok Islam Liberal (Hafiz Firdaus, 2007). Secara jelasnya munculnya kelompok yang ketiga ini adalah kerana kesan psikologi kekerdilan diri yang dihadapi oleh sebahagian umat Islam hasil penjajahan dan kemunduran yang dihadapi oleh mereka. Mereka sanggup menyembah kepada negara Barat asalkan tidak dianggap bodoh dan hina sehingga hilang kejatian dan kebanggaan diri. Jadi rumusan ini dapat menyimpulkan bahawa untuk mencapai kekuatan dan kemajuan, caranya ialah meniru segala formula peradaban yang dipraktikkan oleh negara Barat. Rumusan ini tidak akan berjaya selagi mana tidak dibuka dan dibebaskan tafsiran Islam daripada kejumudan dan pegangan umat selama ini (Happy Susanto, 2003).

Pemikiran liberal berpunca dari pengaruh pandangan hidup Barat dan peradabannya yang *hegemonic* dan mendominasi semua bidang kehidupan dewasa ini. Ia merupakan pencampuran antara pemikiran ‘modernism’ yang cuba memberikan tafsiran Islam yang sesuai dengan ‘modernity’ dan pemikiran ‘post-modernism’ yang cuba melakukan yang cuba melakukan ‘deconstruction’ terhadap segala pemikiran yang sudah mapan (Ahmad Hanafi, 2003). Takrif Islam yang telah mapan, misalnya perlu diliberalkan dan dirombak, sehingga orang bukan Islam juga dapat dikatakan sebagai Muslim, dan agama lain selain Islam dapat ditafsirkan sebagai Islam juga (Alain De Benoith, 2003). Selain al-Quran, hadith sebagai rujukan kedua yang telah disepakati oleh para ulama’ terdahulu dan semua kaum Muslimin, baik sunni maupun syi’ah, juga

perlu kepada ‘deconstruction’ kononnya untuk mendapatkan wahyu Tuhan yang asal sebelum Khalifah, Para sahabat, Tabi’in dan Tabi’ Tabi’in memprakui hadith untuk seluruh kaum Muslimin (Aswadi, 2009).

Hasilnya, individu seperti Nasr Abu Zaid (Mesir), Asghar Ali Engineer (India), Amina Wadud (Amerika Syarikat), Irshad Manji (Kanada), Ulil Absar Abdallah (Indonesia), Kassim Ahmad, Siti Kassim (Malaysia) dan sebagainya bukan sahaja aktif menyebarkan pemikiran liberal secara individu, bahkan melalui persatuan dan organisasi yang rasmi seperti di Malaysia “Sister In Islam” yang cenderung menggelarkan diri mereka sebagai Islam yang progresif, moderat masa kini daripada acuan Barat berbanding Muslim lain yang dilihat sebagai “tradisional” dalam agama (Mustaqim. Wahyu Hidayat, 2015).

Walau bagaimanapun, wajah pemikiran Islam liberal yang sedang dikembangkan pada masa kini lebih radikal dari pemikiran modenisme Islam. Justeru, idea-idea kontroversi dalam perkara-perkara asas Islam sengaja dilontarkan di khalayak masyarakat Islam. Seterusnya ia amat jelas daripada apa yang terpapar bahawa Islam Liberal merupakan aliran fahaman terhadap agama Islam yang tidak tertakluk kepada kefahaman mana-mana ulama’ muktabar Islam bermula daripada zaman Rasulullah SAW hingga ke abad ini. Oleh itu, dalam makalah ini penulis akan membincangkan persepsi dan penghujahan Islam Liberal terhadap kedudukan hadith-hadith serta persepsi Islam Liberal terhadap kedudukan al-Sunnah, terhadap Rasulullah dan terhadap hadith-hadith Rasulullah SAW yang mana mereka bahaskan dengan lebih terperinci di dalam karya-karya penulisan mereka (Edi Usman, 2013).

## **2. METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini bertujuan untuk menganalisis karya-karya yang sering dijadikan sebagai hujahan oleh golongan liberal dalam penulisan hadith dan pengaruhnya di media sosial. Reka bentuk kajian ini ialah kualitatif. Penulis telah menggunakan dua kaedah dalam pengumpulan data iaitu penyelidikan perpustakaan, penyelidikan dokumentasi dan penyelidikan historis bagi mendapatkan maklumat sejarah permulaan penulisan hadith serta perkembangannya sehingga menjadi suatu isu yang perlu dijelaskan. Setelah data dikumpul penulis menganalisis data dengan menggunakan metode induktif di mana penulis akan membuat kesimpulan yang menyeluruh terhadap kajian ini secara umum. Analisis yang kedua pula, metod deduktif. Proses ini akan memperlihatkan kepada penulis terhadap analisis data melalui pola berfikir berasaskan dalil-dalil yang umum kepada hal-hal yang khusus serta mengambil teori atau gagasan pemikiran yang sedia ada dalam mengenalpasti fenomena sebenar yang berlaku (Ghazali Darussalam, 2016).

## **3. SEJARAH RINGKAS PENULISAN HADITH**

Abu Hurairah RA antara sahabat Nabi yang banyak meriwayatkan hadith. Sejarahnya bermula apabila salah seorang daripada anak murid Abu Hurairah RA iaitu Hammam sering mencatat hadith secara langsung daripadanya. Ternyata *Sahifah* yang kita sebutkan ini merupakan koleksi hadith Hammam yang beliau terima keseluruhannya dari Abu Hurairah RA. Selama ini mungkin banyak yang masih beranggapan bahawa Abu Hurairah RA hanya menghafal hadith semata-mata tanpa mencatatnya dalam buku-buku yang khusus. Anggapan ini sebenarnya tidak tepat. Sepertimana kata Abu Hurairah RA dalam petikannya:

“Tidak seorang pun dalam kalangan Sahabat Nabi yang paling banyak meriwayatkan hadithnya melebihi saya, kecuali Abdullah Bin Amru RA, kerana beliau menulis sedangkan saya tidak” (*Sahih al-Bukhari: Kitab al- ‘ilm, bab kitab al- ‘ilm, no.311*) Tetapi hal ini tidak bererti bahawa Abu Hurairah tidak menuliskan hadith-hadithnya sama sekali” (Ugi Suharto, 2012).

Berdasarkan petikan Dr Muhammad Hamidullah menyatakan bahawa perkataan Abu Hurairah RA di atas adalah Abu Hurairah RA tidak menulis hadith di hadapan Rasulullah SAW sedangkan ‘Abdullah bin Amru RA langsung menulis hadith di hadapannya. Terdapat juga sarjana yang mengertikan bahawa Abu Hurairah RA tidak menulis hadith hanya ketika Rasulullah SAW masih hidup, kerana terdapat riwayat yang mengatakan bahawa di akhir-akhir kehidupannya Abu Hurairah memperlihatkan hadith yang selama ini disimpannya (Ugi Suharto, 2012).

Maklumat bahawa Abu Hurairah RA memiliki catatan-cacatan hadith yang banyak telah mendorong Dr. Subhi Salih untuk membuat kesimpulan bahawa *Sahifah Hammam* yang kita kenal itu sebenarnya adalah salah satu *Sahifah Abu Hurairah* yang dimiliki oleh Hammam. Mungkin ada yang benarnya dalam tafsiran ini jika Hammam menyalin langsung dari catatan Abu Hurairah dengan izin beliau, walaupun kemungkinan itu agak kecil, berdasarkan sejarah awal periwayatan hadith yang menekankan aspek hafalan, khususnya ketika menyampaikan hadith. Namun ketika Hammam mendengar hadith langsung dari Abu Hurairah, dan kemudiannya ia mencatatkan, maka lebih tepat untuk kita sebut sebagai *Sahifah Hammam* dibandingkan dengan *Sahifah Abu Hurairah*.

Walaupun *Abu Hurairah* yang mempunyai catatan-cacatan hadith beliau sama sekali tidak pernah melarang murid-muridnya untuk menulis hadith juga. *Basyir Bin Nahik* salah seorang murid Abu Hurairah RA, pernah berkata:

Saya menulis hadith yang saya dengar dari Abu Hurairah. Ketika saya hendak berpisah dengannya maka saya bawakan semua catatan hadith saya dan saya bacakan kembali di hadapannya, dan saya katakan kepadanya: Inilah hadith-hadith yang saya dengar dari Tuan.” Beliau pun berkata: “Ya.” (Riwayat Ibnu ‘Abdulbar: Jame’ bayan al-‘ilm, Bab zikir al-rukhsah fil ‘ilm, no. 403) (‘Abdulbar, 1994).

Hal ini menunjukkan Abu Hurairah tidak melarang muridnya-muridnya untuk menulis hadith kerana beliau tahu bahawa Rasulullah membenarkan hadith-hadithnya ditulis. Dr. Mustafa Azami, seorang sarjana sejarah Hadith telah menyebutkan 50 orang nama para Sahabat yang terkait dengan penulisan hadith. Pada awal abad pertama hijrah lembaran-lembaran hadith yang jumlahnya ratusan telah ditemui begitu juga pada abad kedua hijrah angkanya ribuan. *Sahifah Hammam* yang mengandungi 138 hadith itu hanyalah salah satu dari ribuan lembaran dan buku kecil yang dapat kita temukan pada hari ini (Ugi Suharto, 2012).

Ia tidak rosak dan tidak hilang tetapi telah diserap masuk ke dalam buku-buku yang disusun oleh para sarjana yang datang kemudian. Proses penyerapan *Sahifah Hammam* ke dalam buku-buku yang lebih besar telah berlaku semasa *Sahifah* pada tangan Ma’mar, murid Hammam maka ia telah memasukkan ke dalam al-Jami’ yang jauh lebih besar dari *Sahifah*. Kemudian Al-Jami’ sampai ke tangan ‘Abd al-Razzaq, murid Ma’mar beliau serapkan ke dalam al-Musannaf. Apabila al-Musannaf sampai ke tangan Imam Ahmad, murid Abdul al-Razzaq, maka beliau memasukkan koleksi itu ke dalam al-Musnad. Bukti-bukti penyerapan itu bukan sahaja terlihat pada kandungan dan teks-teks hadith tersebut, tetapi juga pada isnad hadith yang disebutkan (Abdul Majid Ghouri, 2011). Selain pertikaian terhadap proses penulisan hadith, riwayat Abu Hurairah juga menjadi fokus perbincangan sarjana barat dan liberal tentang keabsahan riwayat beliau (Rahim, 2017).

#### **4. ANALISIS PENULISAN TOKOH LIBERAL TERHADAP HADITH HADITH NABI**

Di Malaysia golongan liberal sangat aktif dalam menyebarkan fahaman, idea dan pandangan mereka bukan sahaja melalui medium penulisan seperti buku, risalah, internet dan blog yang dianggap cuba meniadakan autoriti hadith, mempertikaikan kesahihan bahkan melemparkan tohmahan-tohmahan liar keatas hadith (Fadlullrahman Ashidqi, 2014) antaranya:

##### **Hadith Mengenai Peristiwa Isra’**

Astora Jabat dalam penulisannya dalam Majalah Al-Islam bersetujudengan mengemukakan hujah hujah pihak yang berpendapat bahawa Isra’ dan Mikraj adalah secara mimpi dan rohani. Hal ini berlandaskan hadith yang diriwayatkan daripada Aisyah “Aku tidak kehilangan jasad Rasulullah SAW tetapi Allah telah mengisra’kan roh baginda” (Astora Jabat, 2004). Golongan liberal menjadikan hadith ini sebagai tiket untuk menolak hadith tersebut dan menyatakan bahawa ianya hanyalah benar-benar mimpi semata-mata. Namun, disisi jamhur Ahli Sunnah Waljama’ah peristiwa isra’ berlaku terhadap roh dan jasad Rasulullah. Hal ini dibuktikan sendiri dimana Astora Jabat juga bersependapat dengan salah satu daripada pandangan jamhur ulama’ yang menyatakan bahawa “Kebanyakan ulama’ merumuskan ia (isra’ dan mikraj) berlaku secara jasad dan roh. Mereka adahujah-hujah tersendiri dalam mengambil pendirian itu terutama hujah yang merupakan hadith-hadith (Astora Jabat, 2004). Akan tetapi yang dikemukakannya hanyalah pendapat yang

dicenderungi Astora, jauh sekali daripada sikap adil dan ilmiah dalam menganalisa antara dua pendapat yang lebih kuat (Hafiz Firdaus, 2007).

### **Hadith Aurat Dan Pakaian Wanita**

Menerusi sebuah artikel yang ditulis oleh Zainudin Idris dalam sebuah artikel yang dimuatkan di dalam majalah Al-Islam yang berjudul “Memahami Aurat Wanita yang diterbitkan dalam akhbar Mingguan Malaysia pada tahun 2004. Dalam artikel ini Zainudin Idris telah mengeluarkan satu kenyataan bahawa aurat yang wajib ditutup oleh kaum wanita hanyalah kemaluan depan dan belakangnya. Zainudin Idris memetik ayat ini daripada hadith Nabi yang bermaksud “Apabila seseorang kamu mengahwini amahnya maka janganlah ia lihat pada auratnya, Riwayat yang lain pula, Maka janganlah lihat kepada anggota yang di bawah pusat dan di atas lutut.” (Zainudin Idris, 2004).

Nabi bersabda lagi, Tidakkah engkau tahu bahawa paha itu aurat? Asal hukum menutup aurat di dalam syarak difahami daripada firman Allah di dalam surah Al-Araf ayat 26 yang bermaksud: Wahai anak Adam, sesungguhnya kami turunkan pakaian yang menutup kemaluan kamu dan pakaian menutup seluruh badan dan pakaian takwa (sederhana) itu lebih baik.

Berdasarkan hadith dan ayat al-Quran di atas menjelaskan bahawa hukum menutup aurat adalah dua perkara: pertama menutup hanya di bahagian kemaluan depan dan belakang dan yang kedua adalah keseluruhannya. Namun apa yang ditafsirkan oleh Zainudin ini adalah yang pertama tanpa berpandukan hadith-hadith sahih yang lain yang menegaskan agar menutup aurat sepenuhnya itu adalah wajib. (Hafiz Firdaus, 2007).

### **Orang Islam Bebas Beragama**

Kassim Ahmad seorang pengasas Parti Sosialis Rakyat Malaysia juga mempunyai pandangan yang sama terhadap isu setiap individu itu bebas beragama. Dalam penulisannya di blog beliau ada menulis sebuah hadith yang menyatakan “Barangsiapa menukar agamanya, bunuhlah dia,” (Kassim Ahmad, 2015) bukan sahaja sanadnya lemah, tetapi disepakati oleh kebanyakan ahli hukum Islam bahawa Nabi Muhammad SAW tidak pernah membunuh kerana murtad semata-mata. Peristiwa *Riddah* dalam zaman khalifah Abu Bakar itu, bukan kerana murtad, tetapi kerana pemberontakan terhadap negara. Kassim Ahmad tidak bersetuju dengan hadith tersebut dan mendakwa orang Melayu pada masa kini merupakan “Islam baka” Islam keturunan yang diwarisi generasi demi generasi. Pada hakikatnya Islam tidak membuktikan bahawa orang Melayu itu betul-betul Islam dan juga tidak perlu yakin dengan keislamannya juga. Jika Islamnya itu ikut-ikutan sahaja waktu dia mencapai umur 40 tahun, Islam itu tidak boleh dikira benar. Beliau juga menyatakan kebebasan ini mutlak. Tidak ada kebebasan jika orang Islam tidak boleh menukar agamanya. Kebebasan bermakna bebas masuk (Islam) dan bebas keluar. Bebas masuk, tetapi tidak bebas keluar, bukan bebas namanya (Zaidul Amin, 2016).

### **Hadith Nabi Itu Fantasi**

Nik Elin Zurina Binti Dato’ Nik Abdul Rashid merupakan seorang peguam dan juga pengasas Warisan Wibawa telah menulis satu status yang menyatakan bahawa hadith Nabi itu banyak fantasi seperti “Filem Star Wars”. Di laman *facebooknya* beliau mengeluarkan kenyataan bahawa kitab hadith itu adalah seperti adegan filem sains fiksi. Kenyataannya:

*“Watching “Star Wars The Last Jedi” alone last night was like how I was introducing to the Book of hadith for the first time- Alot of Questions in my mind. Alot of Fantasy. The only difference is that in Star Wars, you went in with an expectation that it is sci fi. I couldn’t grasp a lot of it. I guess I should have studied more before watching it. And the continuity was alot confusing. Whats the “religion of the Jedi”? What book did Rey touch? To be honest, for much of the time during the movie, I slept, even with all the war zone noise. War is just not my cup of tea.”*

Nik Elin juga menyatakan bahawa perbezaan antara filem Star Wars dan kitab hadith adalah sekurang-kurangnya beliau mengetahui bahawa filem Star Wars adalah sains fiksi walaupun jalan ceritanya mengelirukan, tetapi kitab hadith tiada sumber yang sahih (Nik Elin, 2017). Pendangan beliau ini seolah-olah



menunding jari bahawa semua hadith nabi yang diceritakan oleh Rasulullah itu juga adalah seperti filem “Star Wars”.

Dalam hal ini beliau bukan sahaja menidakkan kitab hadith bahkan menolak ulama’. Apa yang dapat ditafsirkan daripada pemikiran Nik Elin ini adalah sama seperti seorang yang mahir dalam bidang perubatan tetapi mahu bertukang. Beliau hanya seorang peguam yang hanya mengetahui dan belajar undang-undang dan tidak layak untuk melebalkan atau memberi hukum terhadap perkara yang beliau sendiri tidak mendalaminya secara terperinci seperti para ulama’ dan cendekiawan Islam pelajari daripada Rasulullah SAW sendiri.

### **Hadith Bulan Terbelah**

Sebuah projek terjemahan “*A Reformist Translation*” sebuah buku tafsiran al-Quran yang diterajui oleh Edip Yuksel, Layth Salaeh Al-Shaiban dan Martha Schulte-Nafeh. Dalam projek ini mereka menyuarakan pandangan untuk memperbaharui semula terjemahan Quran yang dianggap ketinggalan zaman dengan dunia yang serba canggih kini. Kedudukan dan peranan hadith dalam tafsiran tersebut sama sekali tidak diperakui oleh golongan ini yang menganggap hadith nabi itu bercanggah antara satu sama lain dan tidak mempunyai autoriti sebagai sumber agama kerana ia hanyalah satu koleksi kepalsuan dan penipuan yang disandarkan kepada Nabi beberapa abad selepas kewafatan baginda. Sebagai contoh mukjizat Nabi SAW yang membelah bulan (Yuksel, Layth Saleh, Schulte-Nafeh, 2011). Pada masa yang sama juga ia dibuktikan pada ayat pertama surah al-Qamar yang telah diingkari oleh pengarang atau penulis terjemahan tafsir ini dan ditolak kerana dikatakan tidak masuk akal dan bersumberkan hadith yang palsu. Sebaliknya mereka memutarbelitkan fakta bahawa ia merujuk kepada peristiwa pendaratan manusia di bulan pada tahun 1969 yang membawa pulang sampel batunya di bumi. Penemuan ini kebetulan sama dengan kajian yang dibuat oleh Rashad Khalifa pada tahun 1974 yang mengaggapnya adalah sebuah mukjizat ! lihatlah bagaimana sebaik baik manusia yang dijadikan Allah dinafikan mukjizat yang dianugerahkan kepadanya dan sebaliknya melabelkan usaha sesat Rashad Khalifa sebagai menzahirkan “mukjizat sistem tematik dalam al-Quran”. (Yuksel, Layth Saleh, Schulte-Nafeh, 2011). Perkara ini tidak lain hanyalah untuk menyokong dan membenarkan ideologi dan fahaman peribadi mereka sendiri sehingga mentakwilkan ayat al-Quran sesuka hati (Mustaqim, Wahyu Hidayat, 2015).

### **Hadith Pengharaman Emas Dan Kain Sutera Kepada Lelaki**

Dalam penulisan tafsiran Edip Yuksel juga, mereka menafikan hadith nabi yang mengharamkan kaum lelaki memakai emas dan kain sutera. Mereka mengatakan ia tidak haram kepada sesiapa untuk memakainya. Sebaliknya mengharamkan nikmat Tuhan menggunakan nama-Nya adalah sebenarnya sebesar-besar dosa (Muhammad Nasir, 1995).

Salah satu metodologi mereka yang dapat dikesan walaupun tidak dinyatakan ialah mereka akan cuba mendapatkan maklumat mengenai sesuatu isu daripada sumber-sumber Islam. Kemudian mereka akan menganalisis dan memberikan pandangan yang bertentangan sebagai alternatif hanya untuk menunjukkan pembaharuan tanpa dibuktikan alasan yang kukuh (Mustaqim, Wahyu Hidayat, 2015).

### **Hadith Nabi Wafat dalam Keadaan Tidak Berharta**

Demikian juga mereka menolak dakwaan yang terkandung dalam hadith bahawa Nabi SAW wafat dalam keadaan tidak berharta dan baju besi baginda digadaikan untuk 20 gantang makanan sebagai tidak benar (Yuksel, Layth Saleh, Schulte-Nafeh, 2011). Namun hadith ini ditolak oleh golongan ahli sunni yang menjawab persoalan tersebut daripada surah al-Dhuha yang berstatus Makiyyah yang dianggap sebagai bertentangan dan menolak hadith tersebut, mereka lebih mudah mengatakan “walaupun dahulunya anak yatim dan miskin, namun dengan rahmat Tuhan, Muhammad menjadi pedagang antarabangsa yang berjaya dan kaya. Oleh itu, mana mungkin baginda wafat dalam keadaan tidak berharta seperti yang digambarkan dalam teks hadith tersebut (Mustaqim, Wahyu Hidayat, 2015).

Antara faktor penolakan hadith-hadith Nabi oleh golongan liberal kerana hadith-hadith tersebut tidak berasal daripada Rasulullah SAW melainkan hanya ciptaan orang-orang yang ingin menjaga dan memanfaatkan

kepentingan diri mereka sahaja. Selain itu, hadith-hadith yang benar hanyalah yang bersifat mutawatir manakala hadith *Ahad* bersifat samar-samar dan tidak menjadi tuntutan ke atas umat untuk berpegang kepadanya (Ismail Yusuff, 2011). Walaupun hadith-hadith itu *Mutawatir* sekalipun kebenarannya hanya dalam konteks kehidupan masyarakat Arab pada zaman Rasulullah SAW sahaja. Ianya tidak relevan untuk zaman kini kecuali sebagai kajian sejarah peradaban pada zaman baginda.

Seterusnya hadith-hadith berkaitan azab kubur, suasana hari akhirat (Padang Masyar, Titian Sirat, Pengadilan dan sebagainya) Isra' dan Mikraj, Dajjal, Penurunan Nabi Isa, fitnah-fitnah akhir zaman dan sebagainya hanyalah cerita rekaan para perawi hadith untuk memberi pengaruh kepada orang ramai pada zaman mereka. Sekalipun hadith-hadith itu tercatat di dalam kitab-kitab hadith sahih (M. Yunus Abu Bakar, 2012). Pada hakikatnya ia hanyalah cerita tahayul semata-mata. Antara kesilapan yang paling besar yang dilakukan oleh para imam hadith mereka adalah mereka hanya memberi tumpuan kepada para perawi hadith dan tidak kepada matan hadith. Seandainya mereka memerhati dan memberi kritik ke atas matan hadith, nescaya cerita-cerita tahayul seperti mana di atas tidak akan mereka masukkan dalam kitab-kitab mereka (Ugi Suharto, 2012).

Tanggapan tahayul yang dilebelkan golongan liberal terhadap hadith nabi adalah sama sekali tidak benar. Menjadi satu kesalahan yang besar terhadap golongan liberal di mana mereka sebenarnya bukan sahaja ingin menolak hadith Nabi bahkan peribadi Nabi sendiri tidak diperakui. Mereka menganggap Muhammad itu adalah manusia biasa yang diutuskan yang juga melakukan kesilapan dan kesalahan tiada maksum sama sekali (Zaidul Amin, 2016).

Jadi bagaimana mungkin manusia biasa itu mahu diagungkan. Jika kewujudan Nabi Muhammad SAW itu sendiri mereka menolak sudah tentulah hadith Baginda juga sedemikian rupa. Bagi menjawab persoalan mereka yang menyatakan kebanyakan hadith Nabi itu adalah hadith *Ahad* bukannya *Mutawattir*. Penulis memetik jawapan daripada buku "Membongkar Islam Liberal" hasil nukilan saudara Hafiz Firdaus, dalam buku ini, beliau menulis jumlah hadith Rasulullah yang bersifat *Mutawattir* amatlah sedikit berbanding hadith yang bersifat *Ahad*. Justeru, apabila golongan ini mendakwa menolak hadith *Ahad*, mereka sebenarnya menolak sebahagian besar hadith Rasulullah SAW. Manhaj ini tidak jauh berbeza dengan golongan yang menolak hadith secara keseluruhannya, hanya mereka ini terlebih cerdik sedikit dalam mengelirukan orang ramai yang tidak pakar dalam bidang hadith (Hafiz Firdaus, 2007).

## **5. PENGARUH HADITH LIBERAL DI MEDIA SOSIAL**

Dalam usaha untuk menyebarkan skop pembaca dan membolehkannya menjangkau khalayak di sesetengah Negara Islam, mereka bersetuju untuk menghasilkan versi elektronik dalam menyebarkan fahaman pemikiran mereka. Bahan tersebut sama ada buku dalam bentuk pdf, artikel, wacana mahupun status akan dimuatkan dalam media sosial yang membolehkan sesiapa sahaja untuk membaca dan bebas menyuarakan pendapat masing-masing (Ridzwan, 2007).

Pengaruh hadith liberal di media massa banyak didominasi oleh golongan liberal yang anti terhadap hadith Nabi antaranya yang paling dikenali di Malaysia adalah Kassim Ahmad. Banyak penulisan yang menolak tentang hadith nabi disebar di laman blog beliau sendiri. Perkara yang membimbangkan adalah penyebaran hadith nabi yang diselewengkan oleh golongan liberal semakin mendapat perhatian dalam kalangan umat Islam. Hal ini kerana penulisan yang disebar melalui media sosial tidak boleh disekat, sesiapa sahaja boleh dan bebas membaca dan dimuat turun secara percuma. Contohnya pada tahun 2017, buku Zaid Ibrahim dan Benz Ali, Profesor Kamaruddin Hidayat dan Muhamad Wahyuni Nafis diharamkan di Malaysia. Jadi, Benz Ali seorang pejuang sosialis mengambil inisiatif dengan membukukan karya beliau dalam bentuk pdf di *facebook* beliau yang boleh memberi ruang kepada pengikut beliau dan umat Islam yang lain memahami isi kandungan buku tersebut dan perjuangannya selama ini.

Oleh itu, sebagai seorang ilmuan dan agamawan di Malaysia khususnya, kita juga mempunyai hak menggunakan platform media sosial ini sebagai satu wasilah bagi menjawab persoalan menggunakan dalil-dalil al-Quran dan hadith nabi yang mantap bagi mengelak daripada orang awam yang kurang tahu

berkenaan isu tersebut terpengaruh dengan begitu mudah sahaja. Selagi mana umat Islam itu bersatu penyebaran pemikiran liberal ini terbatas dan tidak boleh diperjuangkan secara terbuka (Nirwan Syafrin, 2005).

## 6. KESIMPULAN

Konklusinya, sejak aliran pemikiran liberal dibongkarkan di Malaysia pada pertengahan tahun 2004, umat Islam sangat mengambil perhatian yang serius terhadapnya. Makalah memfokuskan tentang isu berkaitan hadith-hadith Rasulullah SAW dalam penulisan karya atau wacana yang sedang diperlekehkan oleh golongan liberal masa kini. Di sebalik ancaman Islam liberal ini jika diambil enteng masalah ini dari awal akan menjadi satu ancaman baru malah lebih hebat dari ancaman liberal itu sendiri. Berdasarkan perbincangan tersebut didapati golongan liberal berusaha untuk memberikan tafsiran baru terhadap hadithh Nabi SAW. tanpa mendalami disiplin ilmu yang lain seperti ulum al-hadith, usul fiqh dan sebagainya. (Michaelo O'Meara, 2006). Hal ini kerana dalam mengkritik matan dan sanad hadith, bukan sekadar ilmu moden dan pendekatan baru sahaja yang boleh digunakan, sebaliknya mereka wajar menguasai ilmu dirayah, riwayat, jarah, ta'dil dan sebagainya. Oleh itu, tradisi keilmuan yang dikembangkan dari pandangan hidup Islam yang bersumber dari al-Quran dan hadith dan warisan tradisi intelektual Islam perlu terus dipertahankan dan dikembangkan dari semasa ke semasa.

## PENGHARGAAN

Kajian ini adalah sebahagian daripada Geran Penyelidikan & Inovasi KUIS 2016 Fasa 2 - Geran Penyelidikan Primer (GPP) bertajuk Pengaruh Media Sosial dan Pemikiran Liberal dalam Kalangan Belia Berisiko di Malaysia (KUIS/PB/2016/GPIK 2/GPP/011). Penghargaan setinggi-tingginya kepada Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC) Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) yang telah menaja penyelidikan ini.

## RUJUKAN

1. Ahmad Hanafi. 2003. Liberalisasi Di Inggeris 1970-1990. *Jurnal Ilmu Sosial Dan Ilmu politik*. Volim 7. M.S 1-27.
2. Alain De Benoist. 2002. *Critique Of Liberal Ideolog Liberales. The Disenchantment Of The World: A Political History Of Religion* Trans Oscar Burge (Priseton University Press).
3. Astora Jabat. 2004. Diambil daripada artikel Astora Jabat Dalam *Majalah Islam*. Tajuk: Isra' Dan Mikraj: Mukjizat Rasulullah Yang Kedua Terbesar.
4. Aswadi. 2009. Teologi Liberalisme. *Jurnal Studi Keislaman. Ulumuna Volume XIII. DIKTI/ KEP/2008*.
5. Azmi, A.S., Ismail, M.Y., Nor, Z.M. and Sobali, A.M., 2017. Kritikan Terhadap Rasulullah Dan Al-Quran: Analisis Karya Non-Muslim Zaman Umawiyah Dan Abbasiyyah. *Journal Of Hadith Studies*, 2(1).
6. Edi Usman. 2013. Islam Liberal Dalam Pemikiran Ulil abshar Abdallah. Sarjana Usuluddin. Universitas Uin Suska Riau. Jabatan Tafsir Hadith. Fakultas Usuluddin Universitas Islam Negeri Sultan Syarif Riau Indonesia.
7. Fadlullrahman Ashidqi. 2014. Problem Doktrin Sekularisme. Mahasiswa Ilmu Aqidah Program Pasca Sarjana Universitas Darussalam UNIDA Gantor.
8. Faisal Ahmad Shah, Khafisz Soroni, Rosni Wazir. 2010. *Manahij Al-Muhaddithin Metode Dan Pendekatan Sarjana Hadith*. Jabatan Al-Quran dan al-Hadith. Universiti Malaya.
9. Ghazali Darussalam, Sufean Hussin. 2016. *Metodologi Penyelidik Dalam Pendidikan Amalan Dan Analisis Kajian*. Kuala Lumpur. Universiti Malaya.
10. Hafiz Firdaus Abdullah. 2007. *Membogkar Aliran Islam Liberal*. Cet. Pertama. Penerbit, Perniagaan Jahabersa. Pencetak, Bin Halabi Press.
11. Happy Susanto. 2003. Menyoal Tradisi Dan pembaharuan Dalam Islam. *Jurnal Ilmiah Bestari*. No 35 Thn XVI.
12. Ibn 'Abdulbar, I. (1994). *Jame' bayan al-'Im*. Dar Ibnu al-Jawzi.
13. <http://media-islam.or.id/2010/12/30/lelaki-muslim-haram-memakai-cincin-emas-dan-kain-sutera/>
14. <http://www.menara.my/filemstar-wars-sama-macam-kitab-hadis-banyak-fantasi-nik-elin/>
15. <http://www.menara.my/islam-didaulatkan-perlembagaan-persekutuan-dimartabatkan-harapan-tahun-baharu-gerakan-islam>.
16. <http://www.menara.my/p,-mahu-agemnsi-agama-tangani-ekstremisme/>
17. <http://www.themalaymailonline.com/projekmmo/berita/article/buku-zaid-ibrahim-benz-ali-diharamkan>
18. Ismail Yusuff, Muhd Najib Abdul Kadir, Jaffary Awang, Mazlan Ibrahim, Latifah Abdul Majid, Fadlan Mohd Othman, Aizuddin Hakim Mohd Yusuf, Siti Yuhanaza Hasbullah. 2011. *Persepsi Dan Penghujahan Islam Liberal Terhadap Kedudukan Al- Hadith*. Buku Sunnah Nabi Realiti Dan Cabaran Semasa. Editor, Fauzi Deraman, Ishak Sulaiman, Faisal Ahmad Shah, Khader Ahamad, Mohamad Hasbullah Salim, Khairul saufil Hadi Muhammad, Penerbit Universiti Malaya.
19. Kassim Ahmad. 2015. Kebebasan Beragama. <http://kassimahmad.blogspot.my/2015.kebebasanberagama.htmlatastalian.8Mac2015>.
20. M. Yunus Abu Bakar. 2012. *Pengaruh Paham Liberalisme Dan Neoliberalisme Terhadap Pendidikan Islam Di Indonesia*. Institut Agama Islam Negeri Sunan Ampel Surabaya.
21. Michael O'Meara. 2006. *Liberalism As The Ideology Of Concummate Meaninglessness. The Disenchantment Of The World: A Political History Of Religion* Trans Oscar Burge (Priseton University Press).





22. Muhammad Mustaqim Mohd Zarif, Wahyu Hidayat Abdullah. 2015 Kedudukan Dan Peranan Hadith Dalam Terjemahan Liberalisme Terhadap Al-Quran Al-Karim, Buku Salah Faham Terhadap Sunnah Isu Dan Penyelesaian. Editor, Khader Ahmad, Faisal Ahmad Shah, Monica@Munirah Abd Razak, Sedek ariffin, Anwar Ridzwan Ahmad. Penerbit Universiti Malaya.
23. Muhammad Nasir al-Din al-Albani. 1995. Silsalah Alahadith al-sahihah wa shay minfihiha wa Fawa idiha. Riyad: Maktabahal-Maarif, jil.4 hlmm 480-593.
24. Nirwan Syafrin. 2005. Kritik Terhadap Faham Liberalisasi Syariat Islam. Istac IIUM. Kuala Lumpur.
25. Rahim, Z.N.A., Wazir, N.S.M., Solihan, S.B. and Rosman, N.N.N., 2017. Kritikan Goldziher Terhadap Riwayat Abu Hurairah: Analisis Terhadap Hadith Anjing Tanaman. *Journal Of Hadith Studies*, 2(2).
26. Ridzwan Bin Ahmad. 2007. Sikap Liberal Dalam Memahami Fiqh Mazhab Syafi'i: Realiti Dan Fenomena Di Malaysia. *Jurnal Fiqh No.4* (2007) 119-140. Akademi pengajian Islam, Universiti Malaya.
27. Syed Abdul Majid Ghouri. Terjemahan, Muhammad Hazim Hussin. 2012. Pengenalan Ilmu Mustalah Al-Hadith. Darul Syakir Enterprise Institut Kajian Hadith Kolej Universiti Islam Selangor.
28. Ugi Suharto. 2012. Pemikiran Islam Liberal Pembahasan Isu-Isu Sentral. Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Dewan Bahasa Fajar. Shah Alam Selangor.
29. Yuksel, Layth Saleh & Schulte-Nafeh. 2011. Quran: A Reformist Translation, hlm 630 Ajaran Rashad Khalifa telah diharamkan di Malaysia sejak tahun 1985. Lihat: <http://www.efatwa.gov.my/fatwakebangsaan/buku-karangan-dr-Rashad-Khalifa> tarikh diakses 9 Julai, 2015.
30. Yuksel, Layth Saleh & Schulte-Nafeh. 2011. Quran: A Reformist Translation, hlm 436, 598,593.
31. Zaidul Amin Suffian Ahmad, Abdul Mukti Baharudin, Norzi Nasir, Rosni Wazir, Asyikin Hasan Adali. 2016. Kesan pemikiran Liberal Terhadap Golongan Anti hadith Di Malaysia. M.s 1-10. Prosiding Imam 2017. Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.
32. Zainudin Idris. 2004. Diambil daripada petikan Zainudin Idris dalam Majalah Islam. Tajuk: Aurat Dan Pakaian Wanita: Memahami Aurat Wanita Karangan Zainudin Idris.